

**INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN MELAKA**

**KERTAS CADANGAN PERNIAGAAN ASAS  
KEUSAHAWANAN (ETR 300)**

**PROJEK :  
NO WASTE SDN. BHD.**

**DISEDIAKAN UNTUK :  
EN. ABDUL HAMEED MYDIN  
PENSYARAH ETR 300**

**DISEDIAKAN OLEH :  
SHAHIZAN ZAINAL ABIDIN 93848503  
ZURAINI HARUN 94568873  
NORHEZLEEN MOHD SALI 93790129  
SITI NORAZLINNA MOHD AZMI 94880449  
NORMA HANAFIAH 94973065**



# INSTITUT TEKNOLOGI MARA

## CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh: **20hb. Februari 1997**  
Surat Tuan:  
Surat Kami: **100-CM(AKA 37/B)**

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka  
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771  
Telefax: 06-563963 **06-5591067**

### KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma Pentadbiran Awam di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran mereka.

<u>Bil</u>	<u>Nama Pelajar</u>	<u>No. ITM</u>
1.	Norma Hanafiah	94973065
2.	Zuraini Harun	94568873
3.	Shahizan Zainal Abidin	93848503
4.	Norhezlen Mohd Sali	93790129
5.	Siti Norazlinna Mohd Azmi	94880449

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarikan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

  
**ROZALLI HASHIM**  
Ketua Kursus DPA  
ITM Melaka.  
b/p Pengetua

## **KETERANGAN PROJEK**

**No Waste Sdn. Bhd adalah sebuah perniagaan yang dicadangkan untuk menjalankan aktiviti mengangkut sampah pejal dari kilang - kilang yang tidak mengandungi bahan toksid iaitu aloi dan aluminium. Ianya dicadangkan supaya menjalankan operasi di sekitar Melaka khususnya di kawasan Ayer Keroh dan Batu Berendam bagi peringkat permulaan.**

**No Waste Sdn. Bhd. ini dijangka akan mampu bersaing dengan syarikat - syarikat lain yang telah sedia ada. Ini kerana tidak banyak syarikat - syarikat yang menceburi bidang ini secara total khususnya oleh kaum bumiputera.**

## **SINOPSIS RANCANGAN PERNIAGAAN**

**Rancangan perkhidmatan mengangkut sampah kilang “No Waste Sdn Bhd ” adalah satu projek komersil yang berpotensi untuk berdaya maju. Rancangan perniagaan ini dirancang akan dijalankan pada 1 Januari 1998. Modal permulaan bagi perniagaan ini dicadangkan sebanyak RM 160,000.00. Pinjaman yang bakal di buat dari sebarang institusi perbankan adalah sebanyak RM 80,000.00.**

**Lokasi cadangan tapak permulaan perniagaan ini ialah di Kawasan Perindustrian Air Keroh. Terdapat banyak kelebihan lokasi tersebut sebagai tapak cadangan kami. Di antaranya ialah :**

- 1. Kemudahan infrastruktur seperti bekalan air, elektrik, telefon dan sistem perhubungan jalan raya yang baik.**
- 2. Berdekatan dengan kilang-kilang perusahaan bagi menjamin peluang permintaan yang sentiasa wujud.**
- 3. Selain itu juga ia berdekatan dengan kilang kitar semula.**

**Tumpuan perniagaan ini adalah tertumpu di kawasan Melaka sahaja memandangkan jumlah pesaing yang kurang di negeri tersebut dan dengan itu kewujudan perniagaan ini akan mampu bersaing dengan pesaing-pesaing yang sedia ada.**

**Projek cadangan ini dijangka berkemampuan dengan adanya sokongan pengalaman, kemahiran pekongsi-pekongsi dan strategi pemasaran, harga, promosi dan lain-lain lagi.**